

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 15 Mac 2018

Khazanah umum pertukaran pada barisan kepimpinan kanannya

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) pada hari ini mengumumkan pertukaran pada pasukan kepimpinan kanan bagi operasinya di China dan Asia Utara, seperti berikut:

1. Datuk Ben Chan, yang kini adalah Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua Pelaburan (Urus Niaga), akan meninggalkan Khazanah pada akhir April 2018. Datuk Ben, yang telah bersama Khazanah sejak Jun 2005, akan menyertai Ontario Teachers’ Pension Plan pada 1 Jun 2018 sebagai Pengarah Urusan Serantau, Asia Pasifik.
2. Bryan Lim, Pengarah, Pelaburan, dan Ketua pejabat serantau Khazanah di Beijing, akan mengambil alih tanggungjawab Datuk Ben dan menerajui operasi Khazanah di China. Beliau akan turut bertanggungjawab atas negara Korea dan Jepun, yang bersama-sama dengan China, membentuk liputan Khazanah di wilayah Asia Utara.

Datuk Ben menyertai Khazanah sebagai Pengarah, Pelaburan dan telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti selama hampir 13 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan pada bulan April 2008 dan seterusnya dilantik Ketua Bersama Bahagian Pelaburan (Urus Niaga) pada 1 Jun 2017. Datuk Ben telah menerajui usaha menapakkan Khazanah di China, yang menyaksikan pembukaan pejabat dana pelaburan Kerajaan tersebut di Beijing pada tahun 2008. Pejabat serantau Khazanah di Beijing merupakan pejabat serantaunya yang pertama dalam rangkaian lima buah pejabat serantau di seluruh dunia. Datuk Ben telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan kemajuan wilayah berkenaan semenjak itu. Sebagai pengiktirafan atas sumbangan beliau kepada Khazanah, Datuk Ben telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena ulang tahun baginda pada 4 Jun 2016.

Pengarah Urusan Khazanah Tan Sri Datuk Wira Azman Hj. Mokhtar berkata: “Sebagai tonggak serta salah seorang daripada anggota kepimpinan kanan Khazanah yang paling lama berkhidmat, rekod prestasi serta pencapaian Datuk Ben Chan adalah sangat besar. Kami sangat menghargai sumbangannya kepada institusi dan negara sepanjang hampir 13 tahun beliau bersama dengan Khazanah. Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada beliau dan selamat maju jaya kepada beliau dalam tugas seterusnya di sebuah institusi pelaburan global yang terkemuka.”

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sbarif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.